



SIARAN MEDIA

KPKT KOMITED MEMPERKASA KOMUNITI MELALUI RM24 JUTA PERUNTUKAN PEMBINAAN BAZAR RAKYAT KOTA BELUD, SABAH

KOTA BELUD, 3 OKTOBER 2022 – YB Dato’ Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Bazar Rakyat Kota Belud, Sabah pada pagi ini. Turut hadir YB Datuk Isnin bin Aliasnih@Liasnih, Pembantu Menteri 1, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) Sabah, YB Datuk Mohd Arsad bin Bistari, ADUN Tempasuk dan YB Datuk Fairuz bin Renddan, ADUN Pintasan serta barisan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan dan Agensi.

Projek Bazar Rakyat Kota Belud yang mula dibina pada 6 Januari 2016 ini bertujuan menggantikan pasar sedia ada yang telah usang dan tidak dapat menampung bilangan peniaga. Kawasan tersebut pada asalnya adalah sebuah tapak pasar tani dan deretan kedai lama yang memerlukan penambahbaikan dan naik taraf bagi menyediakan premis perniagaan yang lebih teratur dan kondusif untuk keselesaan peniaga dan pengunjung. Justeru, pembinaan Bazar Rakyat di lokasi strategik di pusat tumpuan Pekan Kota Belud ini diharap dapat meningkatkan pendapatan para peniaga kecil dan seterusnya memacu kepada pembangunan sosio ekonomi masyarakat di Kota Belud.

YB Dato’ Sri Reezal Merican Naina Merican berkata, “Sejumlah RM24 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi membina blok bangunan tiga(3) tingkat Bazar Rakyat ini yang mempunyai 148 unit gerai basah, 78 unit gerai kraf tangan dan tekstil, 26 unit gerai medan selera dan 60 petak tempat letak kenderaan.” Tambah beliau, pembinaan Bazar Rakyat ini dijangka akan memberi manfaat kepada lebih 100,000 orang penduduk di Kota Belud secara keseluruhannya bagi mendapatkan bekalan-bekalan asas dan juga akan membuka peluang-peluang baharu bagi mereka yang ingin berniaga.

Dalam majlis sama, YB Menteri KPKT turut membuat beberapa pengumuman khas kepada peniaga-peniaga Bazar Rakyat Kota Belud iaitu ;

- i) Kelulusan naik taraf jalan dan kawasan tempat letak kereta sepanjang 300 meter dengan kos sebanyak RM300,000 di mana kerja-kerja tersebut telah selesai pada 13 Mei 2022 lalu;
- ii) Kadar sewaan bulanan bagi lot gerai pelbagai akan diturunkan sebanyak RM100 ringgit sebulan selama setahun bermula November 2022 sehingga November 2023 dan memberi penjimatan sebanyak RM1200;
- iii) Kadar sewaan bulanan bagi lot sayuran dan barang basah akan diturunkan sebanyak RM50 ringgit sebulan selama setahun bermula November 2022 sehingga November 2023 dan memberi penjimatan sebanyak RM600; dan
- iv) Peruntukan sebanyak RM500,000 bagi kerja-kerja penambahbaikan lot gerai seperti sistem perparitan, saluran air sedia ada, *awning*/atap serta ruang simpanan bertutup dan berkunci.

Seiring dengan fokus KPKT dalam mengurus perdana pendigitalan dalam penyampaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada pelanggan, pelbagai inisiatif telah dibangunkan dan digunakan di PBT seluruh Malaysia seperti PBTPay, OSC 3.0 Plus Online dan pembelian secara *online*. Oleh itu, Bazar Rakyat Kota Belud turut mengaplikasikan sistem pembayaran secara 'tanpa tunai' (*cashless payment*) yang boleh dibuat dengan menggunakan QRPay Duitnow bagi peniaga-peniaga yang berdaftar. Pembudayaan *cashless society* ini diharap dapat menyumbang ke arah transaksi lebih tinggi dan memudahkan rakyat untuk menjalankan perniagaan menggunakan teknologi semasa.

Disamping itu, secara keseluruhan YB Dato' Sri Reezal turut mengumumkan bahawa KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) pada tahun 2022, telah meluluskan 741 projek pembangunan berskala kecil melibatkan komponen infrastruktur, sosio ekonomi dan kemudahan awam bernilai hampir RM90 juta yang melibatkan 26 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Sabah.

Tambah beliau, JKT juga sedang melaksanakan tiga (3) projek berskala besar dengan nilai keseluruhan sebanyak RM53 juta di Negeri Sabah iaitu ;

- i) Projek Membina Tempat Letak Kereta Bertingkat Di Foh Sang, Luyang, Kota Kinabalu, Sabah – RM38 Juta;
- ii) Projek Membina Semula Pasar Awam Putatan, Sabah – RM5 Juta; dan
- iii) Projek Membina Tapak Tamu Putatan, Sabah – RM10 juta.

KPKT akan terus memberikan komitmen penuh bagi menjayakan agenda utama dan fokus KPKT iaitu “Malaysia Berdaya Huni atau *Liveable Malaysia*” melalui ciri-ciri persekitaran yang mampan termasuk aspek infrastruktur fizikal dan persekitaran yang berkualiti mencakupi fasiliti, pasar awam, pengangkutan dan taman awam. Ini penting dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat sekaligus dapat memperkasakan komuniti bagi membina Keluarga Malaysia yang produktif dan sejahtera.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bombard dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

